



**PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN
KHAS MENGENAI PEJABAT
DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Menurut Peraturan 71(3), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Tuan Speaker boleh, jika difikirkan perlu oleh beliau menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi apa-apa maksud tertentu semasa penangguhan Dewan dan melantik Pengerusi serta ahli bagi Jawatankuasa tersebut.
- 1.2 Sehubungan dengan itu pada 6 Mei 2009, Tuan Speaker telah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) dan laporan penubuhan Jawatankuasa tersebut telah dilaporkan kepada Dewan pada Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kedua Belas lalu.
- 1.3 Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) ditubuhkan adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di Selangor.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

2. AHLI JAWATANKUASA

2.1 Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT):

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Adun Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Adun Kawasan Meru) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Adun Kawasan Sri Muda) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Gan Pei Nei (Adun Kawasan Rawang) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Adun Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Adun Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 7. Y.B. Dato' Subahan bin Kamal (Adun Kawasan Taman Templer) | Ahli |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

3. PERKARA YANG DIMAKLUMKAN

- 3.1 Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah sehingga 31 Oktober 2009 telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali
- i) Bil. 1, 11 Jun 2009
 - ii) Bil. 2, 27 Julai 2009
 - iii) Bil 3, 13 Ogos 2009
 - iv) Bil 4, 31 Julai 2009
 - v) Bil. 5, 29 Oktober 2009
- 3.2 Pada mesyuarat tersebut, beberapa Pejabat Daerah dan Tanah telah dijemput untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa berhubung pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing. Pejabat Daerah yang terlibat adalah seperti di bawah:

| Bil | Pejabat Daerah dan Tanah | Tarikh Taklimat |
|------------|--|--------------------------------|
| 1 | Pejabat Tanah dan Galian Selangor | 20 Julai 2007 27 Julai 2009 |
| 2. | Pejabat Tanah dan Daerah Klang | 27 Julai 2009 13 Ogos 2009 |
| 3. | Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor | 17 September 2009 |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

| | | |
|----|------------------------------------|-----------------|
| 4. | Pejabat Daerah dan Tanah Sepang | 29 Oktober 2009 |
|----|------------------------------------|-----------------|

* Salinan surat jemputan rasmi dilampirkan di ruangan LAMPIRAN

3.3 Sepanjang penubuhan JPK PADAT , Jawatankuasa telah mengeluarkan beberapa surat rasmi untuk diambil tindakan iaitu:-

- i) Aduan Pemilikan Tanah di Lot 9265 Kampung Perepat, Mukim Kapar, Klang, Selangor bertarikh 14 Julai 2009
- ii) Lot 9265 Kampung Perepat, Mukim Kapar, Klang, Selangor bertarikh 5 Ogos 2009
- iii) Cadangan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) bertarikh 13 Ogos 2009

* Salinan surat jemputan rasmi dilampirkan di ruangan LAMPIRAN

3.4 Kehadiran Ahli Jawatankuasa amatlah dialu-alukan bagi bersama-sama mendengar taklimat dan mengambil bahagian bagi melancarkan perjalanan Jawatankuasa dalam merealisasikan objektif penubuhannya. Sehubungan itu, kehadiran ahli-ahli bagi 5 mesyuarat yang telah dijalankan dirumuskan seperti jadual di bawah:

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

| Bil | Ahli Jawatankuasa | Kehadiran |
|------------|--|------------------|
| 1 | Y.B. Tuan Ng Suee Lim | 5/5 |
| 2. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman | 4/5 |
| 3. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin haji shafiei | 4/5 |
| 4. | Y.B. Puan Gan Pei Nei | 3/5 |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim | 4/5 |
| 6. | Y.B. Tuan Yap Ee Wah | 2/5 |
| 7. | Y.B. Dato' Subahan bin Kamal (dilantik selepas mesyuarat kedua) | 0/4 |

* Salinan kehadiran seperti yang dilampirkan di ruangan LAMPIRAN

4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

4.1 Dasar Kanun Tanah Negara

Berdasarkan Kanun Tanah Negara, Penguatkuasa Pejabat Daerah dan Tanah hanya dibenarkan membuat penahanan bersama Jabatan Pengangkutan dan Jalan (JPJ) dan Pihak Polis. Siasatan menyeluruh dan rakaman siasatan perlu dilakukan sebelum semua maklumat dihantar kepada pihak Pendakwaraya. Keputusan akhir diputuskan oleh Mahkamah.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**


Mengikut pandangan Jawatankuasa, proses ini memakan masa yang panjang dan menyebabkan banyak kes-kes tertunggak berlaku. Jawatankuasa mencadangkan agar Pejabat Daerah dan Tanah diberikan kuasa sepenuhnya untuk melakukan penahanan dan saman, menaikkan kadar saman dan dibolehkan menahan permit mereka yang terlibat dalam aktiviti haram contohnya pencurian pasir. Permit akan dipulangkan semula selepas pembayaran saman selesai dilakukan.

4.2 Isu Pajakan Pemberimilikan Tanah

Untuk melanjutkan tempoh pajakan pemberimilikan tanah, contohnya di Kampung Baru memakan masa yang panjang untuk meluluskan hak milik pemohon-pemohon sehingga boleh mencapai masa 3 hingga 5 tahun untuk diselesaikan yang menurut pendapat Jawatankuasa mempunyai motif politik yang tersembunyi dan faktor-faktor birokrasi. Oleh itu, Jawatankuasa mencadangkan agar proses tersebut disegerakan dalam jangkamasa 1 tahun untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Pejabat Daerah dan Tanah dan Kerajaan Negeri Selangor keseluruhannya.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

Penyata ini dikemukakan bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.



Y.B. TUAN NG SUEE LIM
Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai
Pejabat Daerah dan Tanah

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JPK-PADAT)**

LAMPIRAN



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: (10)dim.DUN.SEL.304153
Bertarikh: /4 Julai 2009

Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS,
40000 Shah Alam.

Y.Bhg. Dato',

TAKLIMAT BERKAITAN KANUN TANAH NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) telah bersetuju meminta pihak Y.Bhg.Dato' memberikan taklimat ringkas di mesyuarat JPK-PADAT Bil 2/2009 pada 20 Julai 2009 (Isnin) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Dewan Negeri Selangor. Intisari taklimat adalah seperti berikut:-

- i) Kanun Tanah Negara
- ii) Kaedah-kaedah Tanah Selangor
- iii) Prosedur Permohonan/Pemberimilikan Tanah
- iv) Carta Organisasi di Pejabat Tanah secara umum
- v) Isu-isu yang sering berbangkit


3. Dipohon kerjasama Y.Bhg.Dato' untuk membekalkan 10 set Kanun Tanah Negara bagi rujukan Ahli-Ahli Jawatankuasa dan 10 salinan dokumen taklimat sekiranya ada untuk diedarkan semasa mesyuarat.

3. Kerjasama Y.Bhg.Dato' berhubung perkara tersebut amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


Saya yang menurut perintah,


(MOHAMAD YASID BIN BIDIN)
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN),
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa,
Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah

s.k.:

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi Jawatankuasa JPK-PADAT

Y.B. Tuan Teng Chang Khim
Speaker Dewan Negeri Selangor



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422

FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: (17)dlm.DUN.SEL.304153

Bertarikh : 5 Ogos 2009

Pegawai Daerah Klang
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota,
41902 KLANG

Pegawai Daerah Sabak Bernam
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR

Y. Bhg. Tuan,

TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)

Dengan hormatnya saya adalah di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y. Bhg. Tuan adalah dipohon untuk memberikan taklimat semasa mesyuarat JPK-PADAT Bil.3/2009 yang akan bersidang pada 13 Ogos 2009 (Khamis) di Pejabat Dewan Negeri Selangor. Maklumat taklimat adalah seperti berikut:-

| Bil. | Pejabat Tanah dan Daerah | Tajuk taklimat | Masa |
|------|--------------------------|--|------------|
| 1. | Klang | Isu Perepat | 10.00 pagi |
| 2. | Sabak Bernam | Pertindihan hak milik di Site B,C, Sekinchan | 10.45 pagi |


-2-

3. Sehubungan dengan itu, dipohon pihak Y.Bhg Tuan untuk menyediakan dokumen yang berkaitan sebanyak 10 salinan untuk rujukan Jawatankuasa. Kerjasama Y.Bhg. Tuan amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD SALLEH)
Ketua Penolong Setiausaha (Dewan),
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa,
Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah


s.k.:

Y.B. Tuan Speaker
Dewan Negeri Selangor

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi Jawatankuasa JPK-PADAT

Semua Ahli JPK-PADAT

Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,

40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422

FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: (b) dlm.DUN.SEL.304153

Bertarikh : 25 Ogos 2009

Pegawai Daerah Klang,
Pejabat Daerah dan Tanah Klang,
Jalan Kota,
41902 KLANG.

Y. Bhg. Tuan,

TAKLIMAT BERHUBUNG ISU-ISU BERKENAAN PEMBERIMILIKAN TANAH DI KAMPUNG PEREPAT MUKIM KAPAR KLANG, SELANGOR PADA 13 OGOS 2009

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas beserta taklimat daripada Y.Bhg. Tuan yang telah disampaikan pada 13 Ogos 2009.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JPK-PADAT) telah mengambil maklum taklimat dengan penjelasan yang disampaikan oleh pihak Y. Bhg. Tuan berhubung Isu Pemberimilikan Tanah di Kampung Perepat, Mukim Kapar, Klang.

3. Sehubungan itu, Jawatankuasa turut bersetuju dengan cadangan tindakan penyelesaian oleh pihak Y. Bhg. Tuan bagi empat (4) kategori seperti yang dinyatakan di para 3.2 Kertas Ringkasan seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD SALLEH)

Ketua Penolong Setiausaha (Dewan)

Setiausaha Jawatankuasa

Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah

s.k.:

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi Jawatankuasa
Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah

2.5 Berikutan kelulusan MMKN ke atas permohonan tersebut, Pejabat Tanah Klang telah menerima sebanyak 200 aduan daripada individu yang mendakwa mereka adalah pemilik LMS asal atau mereka telah membeli tanah tersebut daripada pemilik LMS individu lain.

3. Tindakan Penyelesaian

- 3.1 Berikutan aduan-aduan yang diterima, kertas ringkasan berkenaan dengan penyelesaian kepada isu berbangkit telah disediakan oleh Pejabat Tanah Klang dan telah diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun 2006.
- 3.2 MMKN ke 31/2006 bertarikh 17 Disember 2006 telah meluluskan permohonan penyelesaian ke atas kategori I, II dan IV sahaja manakala cadangan untuk kategori III telah ditangguhkan seperti berikut :-

| Bil | kategori | cadangan | Kes |
|-----|--|---|-----|
| | Kategori I | | |
| 1. | Pemohon yang telah membayar premium tetapi hakmilik belum didaftarkan (Lampiran A) | Dikembalikan premium yang telah dibayar. Tanah lot didaftarkan atas nama pemilik LMS asal | 35 |

| | | | |
|----|--|--|----|
| | Kategori II | | |
| 2. | Pemohon yang bersetuju menyerahkan balik hakmilik dengan syarat diberi tanah ganti dan lot tanah akan diserahkan kepada pemilik LMS(Lampiran B) | Hakmilik diserah semula kepada kerajaan dan didaftar atas nama pemilik asal LMS Pemilik yang menyerah hakmilik diberi tanah ganti | 19 |
| 3. | Kategori III Pemegang hakmilik yang enggan menyerahkan hakmilik (Seksyen 340 KTN) (Lampiran C) | Pemilik asal LMS tanah tersebut diberi ganti tanah lot | 14 |
| 4. | Kategori IV Aduan-aduan yang baru diterima (tidak termasuk di dalam siasatan untuk 200 aduan yang terdahulu) | Aduan diselesaikan mengikut cadangan kategori I atau II atau III. | 16 |

- * Baki 132 aduan telah direkodkan sebagai tiada masalah pertindihan yang terdiri dalam kategori gantiusaha, lot-lot yang tertinggal, meninggal dunia dan ada usaha. Tindakan pendaftaran akan diteruskan ke atas permohonan yang telah diluluskan hakmilik ke atas tanah.




PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422

FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: 25dlm.DUN.SEL.304153

Bertarikh : 25 Ogos 2009

Pegawai Daerah Hulu Selangor,
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor,
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu.

Y. Bhg. Tuan,

TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Y. Bhg. tuan adalah diminta untuk memberikan taklimat kepada JPK-PADAT yang akan bermesyuarat pada 17 September 2009 (Khamis) di Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor. Pihak Y.Bhg.Tuan adalah dipohn menyampaikan taklimat berhubung perkara-perkara berikut:-

- i. Status terkini sehingga 31 Ogos 2009 berkaitan hasil dan tunggakan permohonan tanah;
- ii. Isu-isu yang dihadapi oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor;
- iii. Status aduan oleh Chin Shin Choon seperti di Lampiran A.

3. Sehubungan itu dipohn pihak Y.Bhg.Tuan untuk menyediakan 10 salinan dokumen berkaitan untuk diedarkan kepada Jawatankuasa sebelum atau selewat-lewatnya pada 15 September 2009. Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg.Tuan berhubung perkara tersebut amatlah di harapkan dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD SALLEH)

Ketua Penolong Setiausaha (Dewan)

Setiausaha Jawatankuasa

Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah

s.k.:

Y.B.Tuan Speaker

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi JPK PADAT

Chin Shin Choon dan Rakan-rakan,
No. 3, Jln. 43,
Selayang Baru,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Jun 2009.

Kepada,
Y.B. Tuan Ng Swee Lim,
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai
Pejabat Daerah dan Tanah (JPK –PADAT),
Pejabat ADUN Kawasan Sekinchan,
45400 Sekinchan.

Yang Berhormat,

**Penolakan Permohonan Membaharui Lesen Menduduki Sementara Di Mukim
Batang Kali, Daerah Hulu Selangor, Selangor**
Pemohon : Chin Shin Choon dan Rakan-rakan

Dengan segala hormatnya perhatian Yang Berhormat dipohonkan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan saya dan rakan-rakan untuk memperbaharui Lesen Menduduki Sementara (LMS) di Mukim Batang Kali, Hulu Selangor untuk tujuan ternakan ikan telah ditolak oleh Pentadbir Tanah Hulu Selangor. [Salinan surat tolak berkaitan seperti diLampiran A].

3. Adalah dimaklumkan bahawa kami telah mengusahakan kolam ini lebih daripada 10 tahun dan mempunyai kelulusan secara Lesen Menduduki Sementara (LMS). Ianya melibatkan kawasan seluas lebih kurang 9.0 ekar iaitu 1.0 ekar setiap seorang. [Salinan LMS seperti dLampiran B]. Banyak usaha dan pelaburan telah dibuat untuk kolam-kolam ini. Dianggarkan sebanyak RM 300,000.00 telah dikeluarkan bagi tujuan pembersihan kawasan dan pembinaan kolam berkenaan. Di samping itu, sejumlah RM 200,000.00 juga telah dikeluarkan bagi tujuan pembinaan jambatan besi untuk menembusi kawasan ini dengan merentasi sungai Selangor yang sediada. Perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan untuk kerja-kerja pembaikan untuk jambatan ini.

4. Apa yang kami benar-benar sedih dan terkejut ialah setelah kolam-kolam ini diusahakan secara sah, tiba-tiba ianya ditamatkan oleh Pejabat Daerah Hulu Selangor. [Gambar-gambar kolam yang diusahakan seperti di Lampiran C].
5. Di atas apa-jua alasanpun, kami tidak dapat menerima keputusan tersebut kerana kami telah mengusahakannya secara sah dan melaburkan sejumlah wang yang agak besar. Oleh itu, kerjasama Yang Berhormat dipohonkan untuk membantu kami mendapatkan satu keputusan yang terbaik untuk kami.
6. Dikemukakan untuk pertimbangan sepenuhnya Yang Berhormat. Bantuan dan kerjasama Yang Berhormat amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



(CHIN SHIN CHOON)


H/F : 019-2836622



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Kami : (30)dlm.DUN.Sel.304153

Tarikh : 30 Syawal 143H

19 Oktober 2009

Pegawai Daerah Sepang
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang

Y. Bhg. Tuan

TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Y. Bhg. Tuan adalah diminta untuk memberikan taklimat kepada JPK-PADAT yang akan bermesyuarat pada 29 Oktober 2009 (Khamis) jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor. Pihak Y. Bhg. Tuan adalah dipohon menyampaikan taklimat berhubung perkara-perkara berikut:-


- i. Status terkini sehingga 31 Ogos 2009 berkaitan hasil dan tunggakan permohonan tanah;
- ii. Lanjutan pajakan tanah Kampung Baru, Sungai Pelek.

3. Sehubungan itu Y. Bhg. Tuan adalah dipohon untuk menyediakan 10 salinan dokumen berkaitan untuk diedarkan kepada Jawatankuasa sebelum atau selewat-lewatnya pada 27 Oktober 2009. Kerjasama dan perhatian pihak Y. Bhg. Tuan berhubung perkara tersebut amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD SALLEH)
Ketua Penolong Setiausaha (Dewan)

Sk:

Y.B. Tuan Speaker

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi JPK-PADAT

Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: (11)dlm.DUN.SEL.304153

Bertarikh: /4 Julai 2009

Pegawai Daerah Klang
Pejabat Daerah/Tanah Klang,
Jalan Kota,
41902 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

**ADUAN PEMBERIMILIKAN TANAH DI LOT 9265 KAMPUNG PEREPAT, MUKIM KAPAR
KLANG, SELANGOR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) meminta agar pihak tuan memberikan penjelasan ringkas berhubung Aduan Pemberimilikan Tanah Di Lot 9265 Kampung Perepat, Mukim Kapar Klang, Selangor di Mesyuarat JPK-PADAT Bil 2/2009 pada 27 Julai 2009 (Isnin) di bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor. Masa taklimat pihak tuan adalah pada jam 11.30 pagi. Salinan aduan adalah seperti dilampirkan. Dipohon pihak tuan menyediakan 10 salinan dokumen taklimat sekiranya ada untuk rujukan Ahli Jawatankuasa.

3. Kerjasama Tuan berhubung perkara tersebut amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(MOHAMAD YASID BIN BIDIN)
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN),
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa,
Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah

s.k.:

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi Jawatankuasa JPK-PADAT

Y.B. Tuan Teng Chang Khim
Speaker Dewan Negeri Selangor



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422

FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: (18)dlm.DUN.SEL.304153

Bertarikh: 5 Ogos 2009

Setiausaha Politik Kepada
Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan SSAAS
40502 Shah Alam

Y.B. Tuan,

LOT 9265 KAMPUNG PEREPAT MUKIM KAPAR KLANG, SELANGOR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa ini mengambil maklum aduan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan mengenai perkara di atas dan telah memanggil Pegawai Daerah dan Tanah Klang di mesyuarat Jawatankuasa pada 27 Julai 2009. (Isnin) bagi meneliti perkara tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa ini ingin memanjangkan maklum balas yang diterima daripada Pejabat Tanah dan Daerah Klang mengenai kronologi pemberimilikan tanah di Lot 9265 Kg. Perepat, Mukim Kapar, Klang seperti yang disertakan bersama. Turut dimaklumkan Jawatankuasa bersetuju dengan keputusan dan tindakan yang akan di ambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah iaitu tanah tersebut akan diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri dan diberikan kepada pemilik yang sewajarnya seperti yang dinyatakan di para 19 hingga 21 kronologi.

4. Kerjasama dan perhatian Y.B. Tuan berhubung maklum balas di atas amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


b/p. Sabaly

(MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD SALLEH)

Ketua Penolong Setiausaha (Dewan),
Merangkap Setiausaha Jawatankuasa,
Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah

s.k.:

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Pengerusi Jawatankuasa
Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah



PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR DARUL EHSAN

TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422

FAX : 03-5510 4055, 5544 7436



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Ruj. Kami: (21)dlm.DUN.SEL.304153
Bertarikh: /3 Ogos 2009

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar Selangor,
Tingkat 21, Bangunan SSAAS,
40502 Shah Alam

Y.A.B. Tan Sri,

CADANGAN OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian Y.A.B. Tan Sri kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa JPK-PADAT yang telah bermesyuarat pada 27 Julai 2009 bersetuju untuk mengemukakan cadangan Jawatankuasa mengenai perkara-perkara berikut untuk perhatian Y.A.B. Tan Sri :-

- i. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dilantik semula menganggotai Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) memandangkan banyak permasalahan yang tidak dapat diselesaikan dan Y.B. ADUN kurang dapat memainkan peranan dan menyuarakan pandangan berhubung aspek tanah. Jawatankuasa berharap dengan penglibatan ADUN permasalahan akan dapat dikurangkan.

Cadangan Oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JPK-PADAT)

- ii. Dasar yang diluluskan oleh MMKN mengenai kelulusan tanah secara berkelompok perlu di semak semula. Jawatankuasa berpandangan dasar tersebut kurang praktikal kerana ia menyumbang kepada kelewatian penyelesaian masalah-masalah tanah kerana tempoh masa yang lebih diperlukan oleh Pejabat Daerah untuk mengumpulkan permohonan-permohonan secara berkelompok. Terdapat pelbagai tafsiran kelompok di kalangan Pentadbir Tanah.
3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa berharap Y.A.B. Tan Sri dapat menimbaangkan perkara ini dengan sewajarnya. Kerjasama daripada pihak Y.A.B. Tan Sri amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



(Y.B. NG SUEE LIM)

Pengerusi
Jawatankuasa JPK-PADAT

Salinan Kepada :

Y.B. Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)
BAGI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN KEDUA BELAS TAHUN 2009**


1/2009

Tarikh : 11 Jun 2009 (Khamis)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat
Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam.

Yang Hadir:

| Bil. | Nama | Jawatan | T/Tangan |
|------|--|-----------|---|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim (ADUN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |  |
| 2. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (ADUN Kawasan Meru) | Ahli |  |
| 3. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (ADUN Kawasan Sri Muda) | Ahli | Cuti . |
| 4. | Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADUN Kawasan Rawang) | Ahli | TH |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim (ADUN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |  |
| 6. | Y.B. Tuan Yap Ee Wah (ADUN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli | TH |
| 7. | Y.B. Dato' Mohd Shamsudin Bin Lias (ADUN Kawasan Sungai Burong) | Ahli | TH |

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)
BAGI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN KEDUA BELAS TAHUN 2009**




2/2009

Tarikh : 27 Julai 2009 (Isnin)

Masa : 10.00 Pagi

**Tempat : Bilik Mesyuarat
Pejabat Dewan Undangan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam.**

Yang Hadir:


| Bil. | Nama | Jawatan | T/Tangan |
|------|---|-----------|---|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim (ADUN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |  |
| 2. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (ADUN Kawasan Meru) | Ahli |  |
| 3. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (ADUN Kawasan Sri Muda) | Ahli |  |
| 4. | Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADUN Kawasan Rawang) | Ahli |  |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim (ADUN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |  |
| 6. | Y.B. Tuan Yap Ee Wah (ADUN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli | TH |
| 7. | Subahan bin Kamal Y.B. Dato' Mohd Shamsudin Bin Lias (ADUN Kawasan Sungai Burong) | Ahli | TH |

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN KEDUA BELAS TAHUN 2009**

3/2009

Tarikh : 13 Ogos 2009 (Khamis)
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Yang Hadir:

| Bil. | Nama | Jawatan | T/Tangan |
|------|--|-----------|---|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim (ADUN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |  |
| 2. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (ADUN Kawasan Meru) | Ahli | TH DGN SEBAB |
| 3. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (ADUN Kawasan Sri Muda) | Ahli |  |
| 4. | Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADUN Kawasan Rawang) | Ahli | TH |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim (ADUN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |  |
| 6. | Y.B. Tuan Yap Ee Wah (ADUN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli | TH |
| 7. | Y.B. Dato' Subahan Bin Kamal (ADUN Kawasan Taman Templer) | Ahli | TH Bersebab |

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN KEDUA BELAS TAHUN 2009**




4/2009

Tarikh : 17 September 2009 (Khamis)

Masa : 10.00 Pagi

**Tempat : Bilik Mesyuarat
Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.**

Yang Hadir:

| Bil. | Nama | Jawatan | T/Tangan |
|------|--|------------|---|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim (ADUN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi. |  |
| 2. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (ADUN Kawasan Meru) | Ahli |  |
| 3. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (ADUN Kawasan Sri Muda) | Ahli |  |
| 4. | Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADUN Kawasan Rawang) | Ahli |  |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim (ADUN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |  |
| 6. | Y.B. Tuan Yap Ee Wah (ADUN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |  |
| 7. | Y.B. Dato' Subahan Bin Kamal (ADUN Kawasan Taman Templer) | Ahli | TH |

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JPK-PADAT)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
DARUL EHSAN KEDUA BELAS TAHUN 2009**



5/2009

Tarikh : 29 Oktober 2009 (Khamis)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat
Pejabat Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex
Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Yang Hadir:

| Bil. | Nama | Jawatan | T/Tangar |
|------|--|-----------|---|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim (ADUN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |  |
| 2. | Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (ADUN Kawasan Meru) | Ahli |  |
| 3. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Shafiei (ADUN Kawasan Sri Muda) | Ahli |  |
| 4. | Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADUN Kawasan Rawang) | Ahli |  |
| 5. | Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir Bin Hashim (ADUN Kawasan Kota Damansara) | Ahli | TH |
| 6. | Y.B. Tuan Yap Ee Wah (ADUN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |  |
| 7. | Y.B. Dato' Subahan Bin Kamal (ADUN Kawasan Taman Templer) | Ahli | TH |

